

FORMULA JAMUN DAN WAMUT: MEMBANTU MURID MEMBEZAKAN HUKUM *MAD JĀIZ MUNFAṢIL* DAN *MAD WĀJIB MUTTAṢIL*

NUR AZMINA BINTI BEDIAN

azmiena95@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan 'Formula JaMun dan WaMut' dalam membantu murid membezakan di antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Formula ini melibatkan penggunaan kaedah akronim, pergerakan dan perkaitan antara pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada murid. Peserta kajian adalah terdiri daripada empat orang murid Tahun 4. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah pemerhatian, analisis dokumen dan borang maklum balas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan 'Formula JaMun dan WaMut' amat berkesan dalam membantu peserta kajian memahami perbezaan yang terdapat pada hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan mudah. Peserta kajian telah menunjukkan purata peningkatan sebanyak 64.25% dalam pencapaian mereka setelah menggunakan formula ini. Kajian ini akan dilanjutkan pada masa akan datang dengan membuat sedikit penambahan pada formula yang telah dicipta setelah peserta kajian dapat menguasai kemahiran dalam membezakan di antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*.

Kata kunci: *Tajwid, Mad Jāiz Munfaṣil, Mad Wājib Muttaṣil, akronim, pergerakan.*

PENGENALAN

Saya telah menjalani Praktikum Fasa 2 di SK Berjaya (bukan nama sebenar) yang terletak di bandar Kuching, Sarawak. Saya ditugaskan untuk mengajar subjek Pendidikan Islam di kelas 4A. Kelas ini mempunyai seramai 28 orang murid (14 orang murid lelaki dan 14 orang murid perempuan). Murid di dalam kelas ini terdiri daripada pelbagai aras kognitif iaitu lemah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan semasa murid membaca al-Quran secara berkumpulan, saya mendapati bahawa kebanyakan murid kelas tersebut sudah mengetahui cara membaca ayat yang mengandungi hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul. Mereka dapat membaca kedua-dua hukum mad tersebut dengan bilangan harakat yang betul dan dapat membezakan ciri-ciri kedua-dua hukum mad tersebut.

Namun, terdapat empat orang murid dari kelas tersebut yang masih mengalami masalah dalam membezakan antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Mereka juga tidak dapat menyebut istilah hukum mad tersebut dengan betul walaupun setelah diberikan penerangan oleh guru. Berpunca daripada masalah yang dihadapi oleh murid-murid saya ini, saya telah dapat mengenalpasti kelemahan mereka dalam bidang hukum tajwid iaitu hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*.

Data awal pemerhatian tersebut telah saya rekodkan ke dalam nota lapangan. Rajah 1 menunjukkan catatan nota lapangan semasa sesi soal jawab bersama murid diadakan.

<p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Semasa sesi soal jawab diadakan, terdapat empat orang murid yang tidak dapat menjawab soalan guru dengan betul. -Murid A hanya menggeleng-gelengkan kepala apabila disoal oleh guru. -Murid B mengangkat bahu tanda tidak tahu. -Murid C hanya tersenyum tanpa menjawab soalan guru. -Murid D pula kelihatan hairan dengan soalan yang diberikan. 	<p>Respon murid menunjukkan bahawa murid tidak dapat mengingat dan membezakan hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dan <i>Mad Wājib Muttaṣil</i>.</p>
--	---

Rajah 1. Catatan Nota Lapangan 1

Di samping itu, saya juga telah mengedarkan ujian sebelum tindakan kepada empat orang murid tersebut untuk menguji kefahaman mereka tentang hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Mereka telah diminta untuk mengenalpasti kalimah yang mengandungi hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* yang terdapat di dalam ujian tersebut. Rajah 2 menunjukkan contoh ujian yang telah dijawab oleh salah seorang daripada murid tersebut.

<p>2 أَلَّذِي جَعَلْتَهُ لِلنَّاسِ سُبُلَ الْعُرْكِفِ فِيهِ وَالْبَادِ</p> <p>3 وَطُورِ بَيْتِ الْمَقَامَيْنِ وَالرُّكْعِ السُّجُودِ</p> <p>4 وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبُقَاعَ الْفَقِيرَ</p> <p>5 لَكُمْ فِيهَا مَنَافِعٌ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ تَحْمِلُهَا إِلَىٰ آبِيَتِ</p> <p style="text-align: center; color: red; font-weight: bold;">2/4</p>	<div style="background-color: yellow; border: 2px solid black; border-radius: 15px; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Murid memberikan dua jawapan bagi kalimah yang mengandungi hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dan <i>Mad Wājib Muttaṣil</i></p> </div> <div style="background-color: yellow; border: 2px solid black; border-radius: 15px; padding: 5px;"> <p>Hal ini menunjukkan bahawa murid masih keliru dengan kedua-dua hukum mad tersebut</p> </div>
--	--

Rajah 2. Contoh Ujian Sebelum Tindakan

Markah bagi ujian sebelum tindakan tersebut telah dianalisis. Jadual 1 menunjukkan analisis markah ujian sebelum tindakan bagi keempat-empat orang murid tersebut.

Jadual 1

Analisis Markah Ujian Sebelum Tindakan

Bil.	Nama	Markah	Peratusan Markah
1.	Murid A	4/9	44%
2.	Murid B	4/9	44%
3.	Murid C	3/9	33%
4.	Murid D	2/9	22%

Analisis markah yang ditunjukkan dalam Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa keempat-empat orang murid tersebut memang mempunyai masalah dalam membezakan hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Kesemua mereka mendapat markah kurang daripada 50%.

Tambahan pula, saya juga telah menjalankan satu ujian lisan ke atas murid-murid tersebut. Rajah 3 menunjukkan borang penilaian Ujian Lisan 1 bagi keempat-empat orang murid tersebut.

BIL	ASPEK	ITEM	MURID A	MURID B	MURID C	MURID D
1.	Kebolehan mengingat istilah hukum mad	Dapat mengingat istilah hukum Mad Jāiz Munfaṣil dengan betul.	/	×	×	×
			Catatan: Sebutan lancar dan tepat	Catatan: Mad Jāiz ?	Catatan: Mad Jāiz Muntasil	Catatan: Mad Jāiz Munfaṣil
2.	Kebolehan mengingat istilah hukum mad	Dapat mengingat istilah hukum Mad Wājib Muttaṣil dengan betul.	/	×	×	×
			Catatan: Sebutan lancar dan tepat	Catatan: Mad Wājib mut ?	Catatan: Mad Wājib Muntasil	Catatan: Mad Wājib ?
3.	Kemahiran membezakan di antara hukum Mad Jāiz Munfaṣil dan Mad Wājib Muttaṣil	Hukum mad bagi kalimah: (كَلِمَاتٍ).	×	×	/	×
4.		Hukum mad bagi kalimah: (يَسَاءَلُونَ).	/	×	×	×
5.		Hukum mad bagi kalimah: (الَسَاءِ).	×	/	×	×
6.		Hukum mad bagi kalimah: (وَمَا أَدْرَاكَ).	×	×	×	×
7.		Hukum mad bagi kalimah: (عِظَاءِ).	×	×	×	×

Petunjuk: / = menguasai, X = belum menguasai

Rajah 3. Borang Penilaian Ujian Lisan 1

Berdasarkan kepada Rajah 3, hanya Murid A sahaja yang dapat menyebut istilah kedua-dua hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul. Murid B, C dan D tidak dapat menyebut istilah hukum mad dengan betul. Sebagai contoh, Murid C menyebut “*Mad Jā'iz Muntasil*”. Sedangkan istilah hukum mad yang betul adalah “*Mad Jāiz Munfaṣil*”. Malah, data tersebut juga menunjukkan bahawa keempat-empat orang murid tersebut tidak dapat membezakan antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul.

Oleh itu, saya telah memilih keempat-empat orang murid tersebut sebagai peserta kajian saya. Saya bertekad untuk mencipta satu formula iaitu ‘Formula JaMun dan WaMut’ untuk membantu peserta kajian saya untuk mengingat dan membezakan antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan mudah dan berkesan. Malah turut membantu guru Pendidikan Islam untuk mengajar tajuk hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan cara yang lebih mudah dan menarik.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini dipilih berdasarkan kepada tinjauan awal semasa sesi PdP bidang Tilawah al-Quran dijalankan. Kajian ini penting untuk mengatasi masalah kekeliruan murid Tahun 4 dalam menyebut istilah hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* serta meningkatkan kefahaman murid tentang perbezaan ciri-ciri yang terdapat pada kedua-dua hukum mad tersebut dengan menggunakan ‘Formula JaMun dan WaMut’. Kajian ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pedagogi Pendidikan Islam sedia ada agar lebih mudah diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Membantu murid dalam mengingat istilah *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan menggunakan ‘Formula JaMun dan WaMut’.
2. Membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan ciri-ciri hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan menggunakan ‘Formula JaMun dan WaMut’.

Persoalan Kajian

1. Adakah murid dapat mengingat istilah *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* selepas menggunakan 'Formula JaMun dan WaMut'?
2. Adakah penggunaan 'Formula JaMun dan WaMut' dapat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan ciri-ciri hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian dipilih berdasarkan pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan. Jadual 2 menunjukkan perincian maklumat peserta kajian saya.


Jadual 2

Maklumat Peserta Kajian, Kelas, Jantina, Ciri-ciri dan Prestasi Akademik

Bil.	Peserta Kajian	Kelas	Jantina	Ciri-ciri/ Prestasi Akademik
1.	Murid A	4A	Perempuan	-Prestasi akademik: Lemah -Aktif dalam kelas -Daya ingatan lemah
2.	Murid B	4A	Perempuan	-Prestasi akademik: Lemah -Suka bercakap -Aktif dalam kelas -Daya ingatan lemah
3.	Murid C	4A	Lelaki	-Prestasi akademik: Lemah -Pendiam -Kurang keyakinan diri -Daya ingatan lemah
4.	Murid D	4A	Lelaki	-Prestasi akademik: Lemah -Pendiam -Rajin menyiapkan tugasan -Daya ingatan lemah

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Rajah 4 menunjukkan 'Formula JaMun dan WaMut' yang telah saya cipta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian saya.



Rajah 4. Formula JaMun dan WaMut

Terdapat dua kaedah yang terkandung dalam 'Formula JaMun dan WaMut'. Kaedah pertama ialah kaedah akronim. Menurut Erwan, Eriyandi dan Rita (2005), akronim ialah pemendekan perkataan yang menggabungkan huruf awal, suku kata atau gabungan huruf dan suku kata. Salleh (2016) mendefinisikan akronim sebagai singkatan daripada sekurang-kurangnya dua patah perkataan yang dijadikan sepatah perkataan sahaja. Kaedah akronim yang digunakan dalam formula ini ialah 'JaMun' dan 'WaMut'. Hashimayun (2013) membuktikan bahawa penggunaan kaedah akrostik yang juga mempunyai prinsip yang sama seperti kaedah akronim dapat membantu murid untuk memahami dan mengingat sesuatu pelajaran dengan lebih mudah.

Kaedah kedua ialah kaedah pergerakan yang mempunyai perkaitan dengan pengetahuan sedia ada murid. Kaedah ini melibatkan pergerakan jari yang mewakili ciri-ciri bagi kedua-dua hukum mad. Jari nombor satu mewakili huruf alif iaitu apabila tanda mad (~) bertemu dengan huruf alif (أ). Manakala jari nombor dua yang dibengkokkan sedikit mewakili huruf hamzah iaitu apabila tanda mad (~) bertemu dengan huruf hamzah (ء).

Menurut Suhana (2012), pengaplikasian kaedah pergerakan amat membantu murid untuk mengingat huruf-huruf *Idghām Ma'al Ghunnah*. Di samping itu, Pershing (2006), Salhah (2009), Lapp, Flood dan Farnan (2011) juga bersependapat bahawa sesuatu pengetahuan baharu perlu dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada supaya ia boleh menghasilkan pembelajaran yang efektif dan memberi makna kepada murid. Kaedah pergerakan juga dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik yang melibatkan gaya pembelajaran kinestetik seperti dalam teori yang dipelopori oleh Gardner (1999). Beliau menyatakan bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Oleh itu, kaedah pergerakan iaitu kinestetik diambil berat dalam mencipta formula ini.

DAPATAN KAJIAN

'Formula JaMun dan WaMut' dapat membantu murid mengingat istilah *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Hal ini dibuktikan melalui dapatan yang diperoleh daripada borang maklum balas, pemerhatian dan ujian lisan yang telah dijalankan.

Borang Maklum Balas

Jadual 3 menunjukkan analisis borang maklum balas sebelum dan selepas tindakan bagi kebolehan mengingat istilah hukum mad.

Jadual 3

Analisis Borang Maklum Balas Sebelum dan Selepas Tindakan

Bil.	Item	Kekerapan Murid Bersetuju (%)	
		(Awal)	(Akhir)
1.	Saya dapat mengingat istilah <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> .	1 (25%)	4 (100%)
2.	Saya dapat mengingat istilah <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	1 (25%)	4 (100%)

Data dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat perubahan yang positif sebelum dan selepas 'Formula JaMun dan WaMut' diperkenalkan. Sebelum penggunaan 'Formula JaMun dan WaMut', hanya seorang sahaja peserta kajian yang

menyatakan bahawa beliau dapat mengingat istilah hukum mad iaitu Murid A. Namun setelah formula tersebut diperkenalkan, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa mereka dapat mengingat hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*.

Hal ini kerana penggunaan kaedah akronim untuk mengingat istilah hukum mad adalah sangat berkesan untuk membantu ingatan peserta kajian tanpa mengalami kekeliruan terhadap kedua-dua hukum mad tersebut. Pernyataan ini turut disokong oleh dapatan kajian Hashimayun (2013) yang menyatakan bahawa kaedah akrostik membantu peserta kajian beliau untuk memahami sesuatu pelajaran dengan cepat dan mudah.

Pemerhatian

<p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Di akhir PdP Pendidikan Islam, peserta kajian telah disoal oleh guru mengenai hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dan <i>Mad Wājib Muttaṣil</i>. -Keempat-empat peserta kajian telah <u>berjaya menjawab soalan guru dengan betul dan tepat.</u> -Istilah hukum mad disebut dengan yakin, lancar dan tepat. -Hukum mad bagi kalimah yang ditulis oleh guru di papan tulis juga <u>dapat dikenal pasti dengan betul</u> oleh peserta kajian. 	<div style="border: 2px solid black; border-radius: 15px; background-color: yellow; padding: 10px; width: fit-content; margin: auto;"> <p>Kesemua peserta kajian dapat menyebut istilah hukum mad dengan sebutan yang betul dan lancar setelah tindakan dijalankan.</p> </div>
--	--

Rajah 5. Catatan Nota Lapangan 2

Bagi melihat dengan lebih jelas lagi perubahan tingkah laku peserta kajian, perbandingan tingkah laku antara sebelum dan selepas tindakan dijalankan telah dilakukan. Jadual 4 menunjukkan perbandingan tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 4

Perbandingan Tingkah Laku Peserta Kajian Sebelum dan Selepas Tindakan

Peserta Kajian	Tingkah Laku Sebelum Tindakan	Tingkah Laku Selepas Tindakan
Murid A	Menggeleng-gelengkan kepala	Dapat menyebut istilah hukum mad dengan yakin, betul, lancar dan tepat
Murid B	Mengangkat bahu tanda tidak tahu	
Murid C	Hanya tersenyum	
Murid D	Hairan dengan soalan guru	

Berdasarkan Jadual 4, kesemua peserta kajian menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif setelah tindakan dijalankan. Mereka dapat menyebut istilah hukum mad dengan yakin, betul, lancar dan tepat setelah tindakan dijalankan berbanding yang sebelumnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan 'Formula JaMun dan WaMut' telah membantu peserta kajian saya dalam mengingat istilah hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul dan mudah.

Analisis Dokumen (Ujian Lisan)

Bagi memudahkan saya menilai pencapaian peserta kajian, saya telah membuat perbandingan dapatan senarai semak Ujian Lisan 1 dan 2 bagi setiap peserta kajian. Jadual 5 menunjukkan analisis dapatan senarai semak Ujian Lisan 1 dan 2.

Jadual 5

Analisis Dapatan Senarai Semak Ujian Lisan 1 dan 2

BIL	PESERTA KAJIAN	ASPEK	ITEM	UJIAN LISAN 1	UJIAN LISAN 2
1.	MURID A	Kebolehan mengingat istilah hukum mad	Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	/	/
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Sebutan lancar	Catatan: Sebutan lancar dan tepat
2.	MURID B		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	/	/
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	X	/
3.	MURID C		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Jā'iz	Catatan: Sebutan lancar dan tepat
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	X	/
4.	MURID D		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Wājib Mut	Catatan: Sebutan lancar dan tepat
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	X	/
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Jā'iz Muntasil	Catatan: Sebutan lancar dan tepat
			Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	X	X
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Wājib Muntasil	Catatan: Mad Wājib Muntasil	
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dengan betul.	X	/	
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Jā'iz Muntasil	Catatan: Sebutan lancar dan tepat	
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	X	/	
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	Catatan: Mad Wājib	Catatan: Sebutan lancar dan tepat	
		Dapat mengingat istilah hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> dengan betul.	X	/	

Berdasarkan kepada Jadual 5, semasa Ujian Lisan 1 iaitu sebelum tindakan dilaksanakan, hanya Murid A sahaja yang dapat mengingat istilah hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Namun, semasa Ujian Lisan 2, pencapaian peserta kajian telah meningkat dengan purata peningkatan sebanyak 62.5%. Semua peserta kajian dapat mengingat dan menyebut istilah hukum mad dengan betul semasa Ujian Lisan 2 kecuali Murid C yang tidak dapat menyebut istilah hukum *Mad Wājib Muttaṣil* dengan tepat.

‘Formula JaMun dan WaMut’ membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan ciri-ciri hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* dengan betul. Dapatan daripada borang maklum balas, ujian bertulis dan ujian lisan yang telah dijalankan ke atas peserta kajian dapat menyokong pernyataan di atas.

Borang Maklum Balas

Jadual 6 menunjukkan analisis borang maklum balas sebelum dan selepas tindakan bagi kemahiran membezakan antara hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*.

Jadual 6

Analisis Borang Maklum Balas Sebelum dan Selepas Tindakan

Bil.	Item	Kekerapan Murid Bersetuju (%)	
		(Awal)	(Akhir)
1.	Saya dapat mengingat istilah <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> .	1 (25%)	4 (100%)
2.	Saya dapat mengingat istilah <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	1 (25%)	4 (100%)
3.	Saya dapat mengingat ciri-ciri hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> .	0 (0%)	4 (100%)
4.	Saya dapat mengingat ciri-ciri hukum <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	0 (0%)	4 (100%)
5.	Saya tidak keliru dengan ciri-ciri hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dan <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	0 (0%)	4 (100%)
6.	Saya dapat membezakan kalimah yang mengandungi hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> dan <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	0 (0%)	4 (100%)
7.	Saya mengetahui sesuatu kalimah itu mengandungi hukum <i>Mad Jāiz Munfaṣil</i> atau <i>Mad Wājib Muttaṣil</i> .	0 (0%)	4 (100%)

Merujuk kepada Jadual 6, 100% peserta kajian menyatakan bahawa mereka dapat mengingat ciri-ciri hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*, dapat membezakan dan tidak keliru dengan kedua-dua hukum mad tersebut setelah menggunakan 'Formula JaMun dan WaMut'. Hal ini membuktikan bahawa kaedah pergerakan yang terdapat pada formula tersebut membantu peserta kajian mengingat perbezaan yang terdapat pada hukum mad. Dapatan kajian Suhana (2012) juga membuktikan bahawa pengaplikasian kaedah pergerakan amat membantu murid untuk mengingat huruf-huruf *Idghām Ma'al Ghunnah*.

Analisis Dokumen (Ujian Bertulis)

Markah bagi setiap ujian telah dianalisis dan dicatatkan ke dalam rekod pencapaian. Jadual 7 merupakan rekod pencapaian peserta kajian saya.

Jadual 7

Rekod Pencapaian Peserta Kajian

Peserta Kajian	Markah Ujian Sebelum (%)	Markah Ujian Selepas (%)	Markah Ujian Pengukuhan (%)	Peratusan Peningkatan Pencapaian Murid (%)
Murid A	4/9 (44%)	9/9 (100%)	6/6 (100%)	56%
Murid B	4/9 (44%)	9/9 (100%)	6/6 (100%)	56%
Murid C	3/9 (33%)	9/9 (100%)	6/6 (100%)	67%
Murid D	2/9 (22%)	9/9 (100%)	6/6 (100%)	78%

Jadual 7 menunjukkan rekod pencapaian peserta kajian bagi ujian sebelum dan selepas tindakan. Peserta kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian mereka iaitu melebihi 56% peningkatan setelah menggunakan 'Formula JaMun dan WaMut'.

Analisis Dokumen (Ujian Lisan)

Saya telah membuat perbandingan dapatan Ujian Lisan 1 dan 2 bagi setiap peserta kajian. Jadual 8 menunjukkan analisis dapatan Ujian Lisan 1 dan 2.

Jadual 8

Analisis Ujian Lisan 1 dan 2

BIL.	SOALAN	MURID A		MURID B		MURID C		MURID D	
		UL 1	UL 2	UL 1	UL 2	UL 1	UL 2	UL 1	UL 2
1.	Hukum mad bagi kalimah: (يَدَا أَبِي), (كَلَّمَ إِنَّمَا)	X	/	X	/	/	/	X	/
2.	Hukum mad bagi kalimah: (جَاءَ), (يَتَسَاءَلُونَ)	/	/	X	/	X	/	X	/
3.	Hukum mad bagi kalimah: (يُرَاءُونَ), (الَسَّمَاءُ)	X	/	/	/	X	/	X	/
4.	Hukum mad bagi kalimah: (إِنَّا أَعْظَمْنَاكَ), (وَمَا أَدْرَاكَ)	X	/	X	/	X	/	X	/
5.	Hukum mad bagi kalimah: (جَزَاءُ لَهُمْ), (عِطَاءُ)	X	/	X	/	X	/	X	/
Peratusan (%)		20	100	20	100	20	100	0	100

Petunjuk: / = menguasai, X = belum menguasai

Berdasarkan Jadual 8, kesemua peserta kajian mendapat markah 100% dalam Ujian Lisan 2 (UL2). Peserta kajian menunjukkan peningkatan pencapaian dalam Ujian Lisan 2 (UL2) berbanding semasa Ujian Lisan 1 (UL1) dengan purata peningkatan sebanyak 85%.

REFLEKSI

Kesan kepada Amalan Kendiri

Kajian tindakan ini memberikan pelbagai kesan yang positif kepada diri saya. Melalui kajian ini, saya dapat menambah baik amalan pengajaran saya dengan adanya 'Formula JaMun dan Wamut' yang telah saya cipta. Pengajaran bidang tajwid seperti tajuk *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil* yang sebelumnya hanya menggunakan kaedah penerangan biasa dapat ditambah baik kepada penggunaan formula yang lebih menarik. Formula ini menggabungkan kaedah akronim, pergerakan dan perkaitan dengan pengetahuan sedia ada murid. Malah, formula ini juga mempunyai warna yang sangat menarik yang boleh menarik minat pembacanya.

Kesan kepada Peserta Kajian

Kajian tindakan ini juga turut memberikan kesan yang positif kepada peserta kajian. Melalui kajian tindakan ini, peserta kajian saya telah berjaya mengatasi masalah mereka dalam mengingat istilah hukum mad dan membezakan ciri-ciri yang terdapat pada kedua-dua hukum mad. Kesan positif ini telah membantu mereka meningkatkan penguasaan dalam hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* dan *Mad Wājib Muttaṣil*. Di samping itu, penggunaan 'Formula JaMun dan Wamut' ini juga dapat meningkatkan motivasi dan minat peserta kajian untuk mempelajari hukum tajwid. Penggunaan warna dan ikon kartun dapat menarik minat peserta kajian untuk belajar. Ilmu pengetahuan baharu yang mereka peroleh melalui pendedahan 'Formula JaMun dan Wamut' akan dapat mereka gunakan untuk mengajar rakan-rakan yang lain pula.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pada tindakan yang seterusnya, saya bercadang untuk membuat sedikit penambahbaikan pada formula tersebut iaitu dengan menambahkan bilangan harakat dan kalimah yang terkecuali daripada hukum *Mad Jāiz Munfaṣil* seperti **يَأْيُهَا** dan **يَيْبُرْهِيمُ**. Selain itu, saya juga bercadang untuk membuat kajian mengenai kaedah terbaik yang sesuai untuk memahami tajuk *Mad Lāzim Kalimī Muthaqqal* dan *Mad Lāzim Kalimī Mukhaffaf* pada masa akan datang.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm.

Erwan Juhara, Eriyandi Budiman & Rita Rohayati (2005). *Cendekia Berbahasa*. Bandung: PT Setia Purna Inves.

Gardner, H. (1999). *Intelligence Reframed: Multiple Intelligences for The 21st Century*. New York: Basic Book.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 4. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum*.

Lapp, D., Flood, J. & Farnan, N. (2004). *Content Area Reading and Learning-Instructional Strategies*. (2nd ed.) London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Mohd Salleh Hassan (2016, September 8). Akronim: Cantuman Huruf, Suku Kata. *Sinar Online*. Dilayari dari laman web www.sinarharian.com.my/mobile/kolumnis/oh_bahasaku/akronim-cantuman-huruf-suku-kata-1.560876.

Nur Hashimayun Mongkin (2013). *Kutu Di Baju: Matilah Dia!* (Pelaporan Ijazah Sarjana Muda). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak.

Pershing, J. A. (2006). *Handbook of Human Performance Technology*. (3rd ed.) San Francisco: Pfeiffer.

Salhah Abdullah (2009). *Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Suhana Udin (2012). *Meningkatkan Kemahiran Mengingat Huruf Idghām Ma'al Ghunnah Menggunakan Gabungan Kaedah Ilustrasi Kartun, Pergerakan Dan Nyanyian*. (Pelaporan Ijazah Sarjana Muda). Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Sarawak.